

# UMS perkukuh ekosistem penyelidikan, inovasi

MyRES 1.0 dilancar sebagai platform penyelidikan dan inovasi memajukan bidang sains dan teknologi

UB 15.06.2023 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan My Research System (MyRES) 1.0, sebuah inisiatif yang bertujuan untuk memperkuatkan ekosistem penyelidikan dan inovasi universiti.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly berkata, platform penyelidikan dan inovasi di UMS adalah satu ekosistem yang amat penting dalam memajukan bidang sains dan teknologi di Sabah.

“Dengan adanya ekosistem penyelidikan dan inovasi yang kukuh, pembangunan modal insan, kualiti pendidikan, dan penyelidikan dapat ditingkatkan.

“Untuk itu, MyRES 1.0 diperkenalkan bagi menyeraskan pelbagai proses dan aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan penyelidikan dan inovasi, mempermudahkan kerjasama padu dan pertuka-



**ALBUM:** Rosalam merakamkan gambar bersama ahli- ahli akademik dan kakitangan PPP.

ran maklumat efisien di antara penyelidik dan kakitangan pentadbiran.

“MyRES terdiri daripada lima kumpulan sistem yang membentuk asas penting dalam pengurusan penyelidikan dan inovasi, iaitu merangkumi Research Report and Monitoring System (MyR), Research Financial System (MyF), FAPI Research Report Card System (MyFAPI-

RC), Research Lab Report Card System (MyLRC), dan Sistem Maklumat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (SMPII),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan pelancaran sistem tersebut di Dewan Auditorium, Pusat Pengajian Pascasiswazah, semalam.

Rosalam menambah, MyRES merupakan satu

pendekatan strategik untuk membantu penyelidik dan pentadbir bekerjasama dalam membangunkan prestasi penyelidikan ke peringkat antarabangsa.

“Kerjasama yang berterusan antara semua pihak menuju ke arah matlamat menjadi pemangkin kepada peningkatan inovasi dan kemajuan teknologi dalam masyarakat.

“Ini sejajar dengan aspirasi Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor yang mahu menjadikan UMS sebagai Peneraju Masyarakat Berinovatif.

“Justeru itu, saya yakin bahawa dengan kehadiran MyRES 1.0 ini akan mempermudahkan kerjasama dan pertukaran maklumat di antara penyelidik dan kakitangan pentadbiran, serta

membantu meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di UMS,” katanya.

Ujar beliau, sistem tersebut diharap dapat dimanfaatkan oleh semua warga UMS agar usaha memperkuatkan lagi ekosistem penyelidikan dan inovasi dapat dicapai.

Hadir sama pada majlis tersebut Ketua Pustakawan UMS, Md. Sazali Md. Salleh; Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Prof. Dr. Jumat Sulaiman; Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan, Prof. Madya Dr. Jidon Adrian Janaun; Timbalan Pengarah IPPP, Prof. Madya CM. Ts. Dr. Mohd Sani Sarjadi; Timbalan Pengarah II (Penyelidikan) PPP, Dr Ervin Gubin Moung; Timbalan Pengarah (Strategik) PPP, Prof. Madya Dr. Fatimah Binti Ahmedy; dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Inovasi, Darwis Manainus Awang Kangit.